



25 DEC, 2023

VentureTECH labur RM7 juta dalam Nexagate

ventureTECH

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

VentureTECH labur RM7 juta dalam Nexagate

PETALING JAYA: VentureTECH Sdn. Bhd. (VentureTECH) mengumumkan pelaburan strategik sebanyak RM7 juta dalam Nexagate Sdn. Bhd. (Nexagate), salah satu penyedia perkhidmatan keselamatan siber terkemuka di Malaysia.

Pelaburan ini menjurus ke arah menyokong fasa pengembangan Nexagate, menumpukan pada membangunkan platform Nexa Security Intel (NSI) unggulnya dan meningkatkan lagi portfolionya penyelesaian keselamatan siber yang inovatif.

Ketua Pegawai Eksekutif VentureTECH, Ahmad Redzuan Sidek berkata, kerjasama itu dapat membangunkan kemajuan yang ketara terutamanya dalam era yang dikuasai oleh teknologi dan keselamatan siber berfungsi sebagai asas yang penting.

“Dedikasi Nexagate untuk terus mendahului cabaran keselamatan siber yang semakin berkembang sejajar dengan misi VentureTECH untuk menyokong teknologi yang dibangunkan tempatan.

“Dengan rekod prestasi penglihatan dan kepakaran yang mengagumkan dalam ruang keselamatan siber, kami percaya bahawa perkongsian ini bukan sahaja

akan memacu pertumbuhan Nexagate tetapi juga akan memainkan peranan penting dalam memajukan industri,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Ahmad Redzuan berkata, perkongsian ini juga mencerminkan keyakinan VentureTECH terhadap potensi Nexagate untuk membentuk masa depan keselamatan siber dan membangunkan bakat tempatan.

Katanya, perkara itu sejajar dengan falsafah pelaburan impak VentureTECH yang bertujuan untuk menjana impak masyarakat yang positif.

“Perkongsian ini juga menyokong wawasan negara untuk menerima Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) ke arah mewujudkan pertumbuhan sosioekonomi yang lebih saksama, inklusif dan mampan.

“Bersama-sama, kami menasarkankan untuk menetapkan piawaian baharu dan mengukuhkan alam digital daripada ancaman yang muncul,” tambahnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Nexagate, Khairil Effendy Ahmad Dhman Huri berkata, sejak 13 tahun yang lalu, Nexagate berkembang dari permulaan yang sederhana dan pihaknya berasa bertuah dalam perjalanan ini.



VENTURETECH melabur sebanyak RM7 juta dalam Nexagate bagi meningkatkan lagi portfolio penyelesaian keselamatan siber yang inovatif.



25 DEC, 2023

VentureTECH labur RM7 juta dalam Nexagate

Utusan Malaysia, Malaysia

ventureTECH

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETAUNG JAYA: VentureTECH Sdn. Bhd. (VentureTECH) mengumumkan pelaburan strategik sebanyak RM7 juta dalam Nexagate Sdn, Bhd. (Nexagate), salah satu penyedia perkhidmatan keselamatan siber terkemuka di Malaysia. Pelaburan ini menjurus ke arah menyokong fasa pengembangan Nexagate, menumpukan pada membangunkan platform Nexa Security Intel (NSI) unggulnya dan meningkatkan lagi portfolionya penyelesaian keselamatan siber yang inovatif.